

UMS rai kepelbagaian pelajar antarabangsa

UB 16.12.2018 A8

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) meraikan kehadiran pelajar antarabangsa di UMS dalam majlis Malam Antarabangsa UMS 2018 yang berlangsung di sebuah hotel di sini.

Bertemakan ‘Celebrating Diversity’ atau raikan kepelbagaian, sambutan kali ini diadakan dengan penuh kemeriahuan bersama semangat harmoni yang tinggi dalam kalangan pelajar antarabangsa yang hadir.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UMS Prof Dr Rasid Mail ketika mewakili Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin menyampaikan ucapan perasmian berkata, kepelbagaian yang dibawa oleh para pelajar antarabangsa itu akan menjadikan pembelajaran di UMS menjadi lebih menarik khususnya kepada para pelajar tempatan.

“Ini secara tidak langsung akan menyemarakkan lagi medan ilmu dalam laman UMS dan mampu menjadi nilai tambah kepada ilmu pengajian tinggi di universiti tempatan dengan adanya kehadiran komuniti pelajar antarabangsa.

“Penganjuran majlis ini juga mampu menjadi wadah untuk para pelajar antarabangsa dan tempatan menonjolkan budaya dan mempersesembahkan persembahan rakyat dari negara masing-masing, sekali gus meningkatkan pengetahuan mengenai etnik dan bangsa yang pelbagai serta merapatkan lagi hubungan dalam kalangan pelajar dari negara yang berlainan,” katanya.

Beliau turut berpesan kepada para pelajar antarabangsa agar sentiasa berusaha bersungguh-sungguh dalam pengajian mereka semasa di UMS kerana apabila mereka berjaya melengkapkan pengajian kelak, mereka turut berperanan sebagai duta UMS di negara masing-masing.

Seramai 301 pelajar antarabangsa yang terdiri daripada 131 pelajar mobiliti, 119 pelajar program intensif Bahasa Inggeris dan 51 orang pelajar prasiswazah telah terlibat menjayakan penganjuran program itu.

Hadir sama, Konsul Jeneral Republik Indonesia di abah, Bapak Krishna Djelani dan Naib Konsul Negara Brunei Darussalam Mohd Asulham Haidi Hj Md Ashrane.



(Gambar atas) **RASID** berswafoto bersama tetamu dan pelajar antarabangsa.

(Gambar bawah) **PELAJAR** antarabangsa mampu persambangkan tarian kebudayaan tempatan.

